TEKS UCAPAN

DATO' HJ IBRAHIM HJ. ABDULLAH

NAIB PRESIDEN ANGKASA

25 JANUARI 2025 (AHAD)/10.00 PAGI

JUARA BOWLING ALLEY, THE STRAND MALL

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, saya mengucapkan selamat datang serta terima kasih kepada semua rakan-rakan media yang sudi meluangkan masa bersama kami dalam Pertandingan Boling Persahabatan ANGKASA dan Media 2026.

2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan media yang selama ini sentiasa memberi liputan, sokongan dan ruang berita kepada ANGKASA serta gerakan koperasi di Malaysia.

3. Kami di ANGKASA amat menghargai peranan media yang bukan sekadar menyampaikan berita, tetapi turut membantu mendidik masyarakat tentang peranan koperasi dalam kehidupan seharian, pembangunan ekonomi rakyat dan juga negara.

4. Tanpa sokongan dari rakan media mungkin banyak kejayaan koperasi mungkin tidak diketahui umum. Sama ada kejayaan koperasi sekolah, koperasi masjid, koperasi wanita, koperasi belia atau koperasi sektor ekonomi strategik, semuanya sampai kepada rakyat hasil peranan anda semua.
5. Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada 24 pasukan media yang menyertai pertandingan ini. Kehadiran anda semua bukan sahaja memeriahkan program malah mencerminkan hubungan erat sekilan lama antara ANGKASA dan juga warga media

Rakan – rakan media yang saya hormati

6. Koperasi pada asasnya adalah organisasi yang dimiliki oleh rakyat. Ia ditubuhkan untuk menjaga kebajikan anggota dan memberi manfaat bersama. Nilai kebersamaan inilah yang menjadikan koperasi kekal relevan dari dulu hingga hari ini.

7. Dalam konteks pembangunan negara, koperasi memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada sektor awam dan swasta khususnya dalam membantu ekonomi rakyat bagi mengurangkan jurang pendapatan dan menyediakan peluang keusahawanan kepada semua

8. Namun, peranan besar koperasi ini perlu difahami dan diyakini oleh masyarakat. Di sinilah pentingnya peranan media sebagai jambatan antara koperasi dan rakyat dalam menyampaikan cerita sebenar tentang sumbangan dan potensi gerakan koperasi.
9. Saya juga percaya bahawa media sendiri mempunyai potensi besar untuk berkecimpung dalam gerakan koperasi. Media koperasi boleh menjadi platform yang mampan, berdaya saing dan dimiliki bersama oleh pengamal media sendiri.

10. Koperasi media bukan sahaja mampu menjaga kebajikan anggotanya, malah boleh membuka peluang perniagaan baharu dari segi kandungan, teknologi, pengiklanan dan inovasi dalam industri media yang semakin mencabar hari ini.

11. ANGKASA sentiasa terbuka untuk berkongsi pengalaman, kepakaran dan sokongan kepada mana-mana pihak media yang berminat untuk meneroka model koperasi sebagai satu alternatif pembangunan sosiosekonomi yang mampan.

Rakan – rakan media yang saya hormati

12. Melalui hubungan strategik antara ANGKASA dan media kami yakin mesej-mesej berkaitan pembangunan koperasi, ekonomi rakyat dan agenda nasional dapat disampaikan dengan lebih

berkesan dan memberi impak positif kepada masyarakat

13. Hari ini, kita tinggalkan seketika agenda rasmi dan angka-angka ekonomi. Kita pakai kasut boling, lepaskan tekanan kerja dan nikmati semangat persahabatan yang menjadi asas kepada hubungan baik ini.
14. Menang atau kalah dalam pertandingan hari ini bukan perkara utama. Yang lebih penting adalah ukhuwah, gelak ketawa dan kenangan yang kita bina bersama sepanjang program ini berlangsung.

15. Akhir kata, saya mengucapkan selamat bertanding kepada semua peserta. Terima kasih sekali lagi kepada rakan-rakan media atas sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada ANGKASA dan gerakan koperasi. Semoga hubungan baik ini terus kukuh dan berpanjangan.

Wabillah Taufik Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.